

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : **23 JULAI 2020 [KHAMIS]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian melakukan proses pemutihan atau tindakan tegas terhadap **penyewa unit Projek Perumahan Rakyat (PPR)** yang dikesan memberi sewa kediaman mereka kepada orang lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama semua Kerajaan Negeri amat tegas dalam isu penyewaan (sub-let) unit-unit Program Perumahan Rakyat (PPR) kepada mana-mana pihak lain terutamanya kepada warga asing. Sekiranya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) atau Kerajaan Negeri menerima aduan daripada penduduk berkenaan isu penyewaan PPR kepada pihak lain termasuklah warga asing, siasatan akan dibuat dan tindakan tegas penguatkuasaan akan diambil.

2. Notis amaran akan dikeluarkan kepada penyewa asal unit tersebut. Sekiranya penyewa asal gagal untuk mematuhi arahan, tindakan pembatalan kontrak penyewaan akan dilakukan dan penyewa PPR tersebut bakal berdepan dengan penalti serta hak penyewaan unit rumah berkenaan akan ditarik balik.

3. Dalam memastikan hanya penyewa-penyewa yang layak sahaja dibenarkan untuk tinggal di unit-unit PPR ini, Kerajaan merayu kepada semua pihak khususnya persatuan-persatuan penduduk di semua PPR di seluruh negara agar menjadi mata dan telinga Kerajaan berhubung isu ini. Kerajaan tidak mahu matlamat asal bagi membantu golongan berpendapatan rendah terutamanya di kawasan bandar disalahgunakan untuk kepentingan diri sendiri. Oleh yang demikian, sekiranya terdapat aduan mengenai perkara ini, aduan tersebut bolehlah disalurkan kepada pihak KPKT di Jabatan Perumahan Negara atau Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri masing-masing untuk diambil tindakan segera.

Sekian, terima kasih.